

AL-HIKMAH

Jilid	11	ISSN 1985-6822	2019
No.	2		1441

- PROGRAM DAKWAH DALAM MEMANTAPKAN AKIDAH REMAJA OLEH INSTITUT PEMANTAPAN DAN PERKADERAN AKIDAH MALAYSIA (IPHAM)....3-19
Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar
- KEPENTINGAN ASPEK PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI.....20-36
Ismail Naim Abdullah, Abdul Ghafar Don
- SENARIO PENDIDIKAN ISLAM DAN HALA TUJUNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA.....37-53
Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Salasih Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Abd. Khafidz, Muhamad Faisal Ashaari
- PERSEDIAAN KUALITI DIRI SISWA GURU PENDIDIKAN ISLAM MELALUI KONSEP 5 MIM DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DI SEKOLAH.....54-67
Norliza Nor Hashim, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Ahmad Irdha Mokhtar.
- PENDEKATAN DAKWAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) TERHADAP BANDUAN DI PENJARA SANDAKAN....68-87
Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie
- TAHAP KEPUASAN MUALLAF TERHADAP PENGURUSAN KELAS BIMBINGAN AGAMA ISLAM KELANTAN (MAIK).....88-98
Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Al-Hikmah 11(2) 2019: 68-87

Pendekatan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal

State Department of Islamic Religious Affairs (JHEAINS) Preaching
Approach To Prisoners In Sandakan Prison

SAIFULAZRY MOKHTAR
KASOMA THIA
HABIBAH ARTINI RAMLIE

ABSTRAK

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) merupakan sebuah agensi jabatan negeri yang ditubuhkan di bawah Jabatan Ketua Menteri Sabah. Penubuhannya adalah selari dengan penyebaran risalah dakwah Islamiah terhadap seluruh lapisan masyarakat termasuk banduan di Penjara Sandakan, Sabah. Namun, pelaksanaan dakwah kepada banduan di Penjara Sandakan memerlukan strategi kerohanian yang sesuai dengan latar belakang mereka. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendekatan pelaksanaan dakwah JHEAINS di Penjara Sandakan. Melalui kajian tinjauan awal, temubual secara ringkas bersama pihak JHEAINS dan pihak penjara telah dilakukan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan dakwah yang digunakan oleh JHEAINS dan pihak Penjara Sandakan untuk mendidik dan mentarbiah banduan ialah melalui *Da'wah bi al-Nafs*, *Da'wah Fardiyyah*, *Da'wah bi al-Hāl* dan *Da'wah al-Ām*. Strategi pelaksanaan dakwah yang dijalankan oleh JHEAINS terhadap banduan penjara ini memberi implikasi yang besar khususnya kepada pegawai penjara dan para pendakwah dalam menyebarkan dakwah Islamiah dalam kalangan banduan multietnik.

Kata Kunci : *Strategi pendekatan dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Penjara*

ABSTRACT

The State Department of Islamic Religious Affairs of Sabah (JHEAINS) is a state department agency established under the Chief Minister's Department of Sabah. Its establishment is in line with the distribution of Islamic propaganda leaflets throughout the community including inmates in Sandakan Prison, Sabah.

However, the implementation of the preaching to the prisoners at the Sandakan Prison requires a spiritual strategy that fits their background. Therefore, the objective of this study is to identify JHEAINS's the approach of implementation of preach at the Sandakan Prison. Through the primilary survey, brief interviews with JHEAINS and the prison authorities were conducted. The results of this study show that the approaches used by JHEAINS and the Sandakan Prison to educate and convict prisoners were Da^owah bi al-Nafs, Da^owah Fardiyyah, Da^owah bi al-Hāl and Da^owah al-^oĀm. The strategy of implementing the preaching carried out by JHEAINS against prison inmates has particular implications for prison officials and preachers in spreading Islamic preaching among multinational prisoners.

Keywords: *Dakwah Approach Strategy, The State Department of Islamic Religious Affairs of Sabah (JHEAINS)*

PENGENALAN

Dalam mencapai sesebuah kejayaan yang cemerlang dan gemilang, terdapat pelbagai resepi dan ramuan yang perlu diadun dan disebatkan agar menepati citarasa dan kehendak seseorang. Begitu jugalah halnya dengan pendekatan dalam melaksanakan tuntutan dakwah terhadap manusia. Kepelbagaian kaum dan budaya dalam masyarakat Malaysia amnya dan di Sandakan, Sabah khususnya, menghadirkan seribu satu corak amalan, pegangan, anutan, kebudayaan, kepercayaan dan sebagainya. Kepelbagaian ini telah mencipta aneka kaedah dan strategi dalam melaksanakan tuntutan dakwah tersebut. Sebagaimana yang kita maklum bahawa negeri Sabah adalah salah sebuah negeri yang meliputi masyarakat yang multi-etnik. Dengan kepelbagaian bentuk suku kaum tersebut maka para pendakwah perlu terlebih dahulu mengenali adat, budaya, kepercayaan, dan sebagainya berdasarkan kepada suku kaum tersebut. Pengetahuan tentang masyarakat juga amat penting kerana pendakwah perlu mengetahui keadaan sosio-budaya sesebuah masyarakat, termasuklah perkara yang berkaitan adat resam, cara hidup dan akhlak mereka.

Dalam melaksanakan tuntutan dakwah Islamiah, para pendakwah seharusnya mempunyai ilmu yang mantap terhadap segenap ilmu dakwah. Menurut Adam Abdullah al-Alūri (1989:17) dakwah ialah memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berdasarkan akidah, kerana dakwah merupakan satu seruan bagi menyelamatkan manusia daripada kesesatan yang hampir-hampir mereka terjerumus ke dalamnya. Untuk melakukan aktiviti dakwah tersebut, pendakwah perlu kreatif kerana setiap individu itu berbeza dari segi keadaan hidup dan kefahaman mereka, maka cara untuk berdakwah juga adalah berbeza. Cara berdakwah kepada orang yang berilmu berbeza

dengan cara berdakwah kepada orang yang jahil. Manakala menurut Ra'uf Shalabi (1982:49), beliau menyatakan bahawa Dakwah Islamiah ialah gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada kufur kepada iman, daripada keadaan kegelapan kepada keadaan cahaya dan daripada keadaan sempit kepada keadaan lapang, di dunia dan di akhirat. Maka pengertian tersebut menunjukkan bahawa Dakwah Islamiah perlu dilaksanakan bukan sahaja kepada masyarakat Non-Muslim, tetapi juga kepada masyarakat Muslim.

Dalam melaksanakan aktiviti dakwah, terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui oleh seseorang pendakwah, mahupun sesebuah organisasi. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (1997:76), dua komponen utama dalam Dakwah Islamiah ialah isi atau pengajaran yang hendak disampaikan kepada sasaran dan cara untuk menyampaikan pengajaran tersebut. Dengan berbekalkan isi pengajaran yang baik dan bersistematik, maka ia akan memberikan impak yang positif kepada gerakan dakwah Islamiah tersebut. Tambahan lagi, sesuatu pengajaran walaupun baik, susah untuk diterima oleh sasaran jika cara penyampaiannya tidak betul dan tidak menepati citarasa sasaran dakwah (Ab. Aziz Mohd Zin, 1991:103). Tanpa pendekatan yang baik juga, masyarakat yang menjadi sasaran dakwah akan memberi respon yang negatif terhadapnya walaupun isi yang disampaikan menarik dan bermutu. Untuk itu, strategi penyampaian dan isi pengajaran yang baik dan bermutu perlu diterapkan dalam diri setiap pendakwah.

KAJIAN LITERATUR

Beberapa kajian berkaitan dengan aktiviti dakwah telah dianalisis bagi memastikan kajian ini sesuai dilaksanakan. Dalam kajian Abdul Ghaffar Hj. Don, Berhanudin Abdullah dan Zulkiple Abd Ghani (2009) mengisahkan beberapa pengalaman kajian lapangan yang telah dijalankan. Ia bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan dakwah dan budaya ilmu. Bagi Sulaiman Ibrahim, Othman Talib dan Anuar Puteh (2002) dalam karangan mereka berjudul *Dakwah kepada Masyarakat Muslim di Malaysia* pula mengatakan bahawa dakwah memerlukan panduan dan strategi yang berkesan dengan menggunakan kaedah dan uslub yang mampu menarik minat golongan sasaran. Seterusnya, dalam artikel *Faktor Penulisan Ilmu Dakwah Dalam Islam* yang dikemukakan oleh Mohamad Zulkifli et al. (2013:3-17) mendapati penulisan artikel tersebut bertujuan untuk mengenalpasti faktor penulisan ilmu dakwah dalam kalangan para ulama. Perbincangan ini memfokuskan mengenai penulisan ilmu dalam pelbagai kecenderungan terutamanya penyebaran dan pembentukan pelaksanaan dakwah secara

menyeluruh. Faktor mengenai penulisan ilmu dakwah dalam Islam ini boleh diaplikasikan dalam penerapan ilmu dakwah kepada masyarakat majmuk di Malaysia.

Bagi buku Ab. Aziz Mohd Zin et al. (2006) pula membahaskan berkaitan dasar dan strategi pertubuhan kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam melaksanakan aktiviti dakwah kepada masyarakat. Buku ini melihat sejauh mana tahap pencapaian dan keberkesanan dakwah yang dijalankan oleh badan-badan pertubuhan tersebut serta menyentuh bentuk aktiviti yang dijalankan oleh institusi dakwah yang terlibat dan mengetengahkan permasalahan yang dihadapi oleh institusi dakwah dalam penganjuran aktiviti dakwah kepada masyarakat di Malaysia.

Dalam kajian Zikmal Fuad (2015), pendekatan Dakwah Fardiyah dapat membantu seorang *da'i* mengenali diri setiap *mad'u*, mengetahui kedudukan sosial mereka, kedudukan ilmu, iman, kefahaman, pengamalan mereka dan sebagainya. Kajian ini bertujuan untuk memaparkan pendekatan Dakwah Fardiyah Shaykh Muim, seorang ulama di Langkat Sumatera Utara Indonesia dalam menyebarkan risalah dakwah islamiah. Hasil kajian beliau membuktikan bahawa Shaykh Muim telah mula berkecimpung dalam gerakan dakwah sejak zaman remaja lagi. Oleh kerana itu, masyarakat tidak wajar melupakan segala jasa dan pengorbanan beliau dalam usaha dakwah di Indonesia. Selain itu, dalam kajian Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham dan A'dawiyah Ismail (2018) pula mengkaji konsep motivasi dan hubungannya dengan konsep *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* yang boleh diaplikasi kepada remaja ke arah meningkatkan kehidupan beragama dan mencegah mereka daripada terlibat dalam salah laku. Hasil kajian mendapati, konsep motivasi mempunyai persamaan dengan pendekatan dakwah iaitu *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb* dan amat bersesuaian dalam pengkajian tentang kehidupan beragama remaja.

Kajian Abd Hadi Borham (2016) pula menganalisis pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof, faktor-faktor tarikan kepada pendekatan dakwah dan masalah kepada pendekatan dakwah beliau dalam pengislaman masyarakat non-muslim di pedalaman Pensiangan, Sabah. Mohd Fadli Yusof merupakan seorang pendakwah bebas yang berasal daripada negeri Perak Darul Ridzuan. dan telah berjaya mengislamkan 269 orang non-muslim yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti petani, pemburu, paderi, pastor gereja, pelajar dan lain-lain. Kajian ini menunjukkan terdapat lapan faktor yang menarik perhatian non-Muslim di pedalaman Pensiangan kepada pendekatan dakwah Mohd Fadli Yusof iaitu faktor tarikan *qudwah*, tarikan *quwwah*, tarikan kelainan, tarikan berulang-

ulang, tarikan keprihatinan, tarikan targhib dan tarhib, tarikan kesamaan dalam agama samawi dan tarikan telah berjaya membangunkan model contoh kehidupan sosial secara Islam pedalaman Pensiangan.

Bagi kajian Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail dan Sayuti Ab Ghani (2018) pula membincangkan tentang keperluan para pendakwah atau dai melakukan transformasi agar menjadi pendakwah yang relevan masa kini dan masa akan datang. Bagi memenuhi keperluan tersebut, para pendakwah perlu bertindak sebagai kaunselor, penyelesaian masalah, pengurus dan juga usahawan. Dengan cara yang sedemikian, proses dakwah Islamiah dalam pelbagai etnik akan terus berkembang dan pendakwah mampu menjadi agen perubahan sosial serta dapat membina masyarakat yang mantap dari segi akidah, akhlak, ibadah dan mualamat. Bagi Mohd Zairul Ridzuan dan Abdul Ghafar Don (2018) mengenalpasti pendekatan dakwah *bi al-hāl* kepada Orang Asli oleh agensi kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan dakwah *bi al-hāl* yang digunakan oleh organisasi dakwah kerajaan tertumpu kepada tiga bidang utama berkaitan dakwah *bi al-hal* iaitu kebajikan, pendidikan dan sosioekonomi bagi menarik minat masyarakat Orang Asli terhadap Islam. Menerusi kajian Mariam Abd. Majid dan Marlon Pontino Guleng (2016), mengemukakan peranan masjid dalam mengaplikasi pendekatan dakwah yang signifikan terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. Makalah ini turut mengemukakan medium-medium dakwah yang boleh digunakan masa kini dalam usaha dakwah oleh institusi masjid terhadap masyarakat yang berbilang kaum.

Secara keseluruhannya, kajian lepas memaparkan bahawa tidak ada kajian yang khusus berkaitan dengan analisis pendekatan dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat berkaitan pendekatan dakwah terhadap golongan-golongan tertentu yang boleh dijadikan sebagai kayu ukur dalam kajian ini. Justeru, dapatan kajian ini adalah satu dapatan baharu bagi meningkatkan lagi proses dakwah Islamiah di Sandakan amnya dan di Penjara Sandakan khususnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual ringkas bagi memperolehi maklumat dan maklum balas dari aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Unit Dakwah, JHEAINS. Pemilihan kaedah temu bual dalam kajian ini adalah kerana berdasarkan kepada fenomena dan situasi keberadaan banduan yang sedang menjalani hukuman. Dengan keterbatasan dan kebergantungan

terhadap peraturan dan undang-undang yang ditetapkan, kaedah ini sesuai digunakan bagi mendapatkan kesahan maklumat serta dapat berinteraksi secara bersemuka dengan informan. Kaedah temu bual sesuai dijalankan dalam kajian ini kerana ia melibatkan pengumpulan dan penganalisan data secara kualitatif yang paling mudah (Creswell, 1994). Kaedah temu bual juga melibatkan interaksi secara bersemuka antara pengkaji dengan banduan secara terus, langsung dan terarah untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman atau situasi responden (Taylor dan Bogdan: 1984).

Pengkaji melihat sendiri pelaksanaan dakwah yang dilaksanakan oleh pihak JHEAINS dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam menyebarkan dakwah Islam di Penjara Sandakan. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat menyelami hidup banduan secara langsung, berinteraksi secara bersemuka, mengeratkan lagi silaturahim antara saudara seislam serta memudahkan saluran maklumat diperolehi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian tinjauan mendapati pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh pihak JHEAINS dan penjara kepada banduan di Penjara Sandakan terbahagi kepada empat iaitu melalui *Da'wah bi al-Nafs*, *Da'wah Fardiyyah*, *Da'wah bi al-Hāl* dan *Da'wah al-Ām*.

***Da'wah bi al-Nafs* (Intrapersonal)**

Da'wah bi al-Nafs ini berlaku dalam diri seseorang di mana ia melibatkan pemikiran, perasaan dan cara mana seseorang itu melihat dirinya. Menurut Abdul Mua'ti (2001:4), mesej terdiri daripada pemikiran dan perasaannya, manakala saluran yang digunakan ialah otak. Otak tersebut akan memproses mesej manakala maklumbalasnya ialah seperti apabila seseorang itu bercakap sendiri, mengeluh, menjerit atau menolak idea itu dengan diganti dengan idea yang lain. Apabila dikaji dan diteliti secara mendalam, *Da'wah bi al-Nafs* atau Dakwah Intrapersonal ini merupakan satu dakwah yang ditekankan oleh Islam. Namun, terdapat ramai dalam kalangan manusia yang leka dan alpa serta mengetepikan dan meminggirkan tuntutan dakwah ini. Ini kerana *Da'wah bi al-Nafs* melibatkan komunikasi antara diri individu dengan Tuhan yang Maha Esa sebagai Penciptanya. *Da'wah bi al-Nafs* adalah berbentuk vertikal di mana setiap manusia itu perlu melakukannya secara individu mahupun secara berkumpulan bagi mengharapkan keredaan dan berserah kepada Allah S.W.T.

Dengan keterlanjuran berbuat dosa, dakwah seperti ini amat perlu diamalkan terus oleh setiap individu banduan agar amalan ini dapat

menebus kembali segala kesilapan tersebut. Dengan adanya galakkan dan saranan yang diberikan oleh tenaga pengajar dan pihak penjara terhadap mereka, maka mereka dapat terus mendekatkan diri kepada Allah yang Maha Esa. Keinsafan seperti ini perlu dilakukan dengan rela hati tanpa ada sebarang paksaan serta berniat ikhlas kerana Allah S.W.T. Maka, niat di sini adalah merujuk kepada satu komunikasi dengan diri sendiri atau *Da'wah bi al-Nafs*. Pelaksanaan sesuatu ibadah yang dilakukan itu juga akan disudahi dengan doa dan tawakkal kepada Allah S.W.T.

Demikianlah apa yang terjadi kepada banduan di penjara, kealpaan dan kelalaian yang tidak mereka sedari selama ini memerangkap dan menjerat diri mereka sendiri. Ekoran dari itulah penyerahan dan penaklukan diri seseorang manusia itu ternampak sebagai dilakukan dengan kehendak dan kerelaannya sendiri di mana mereka sedar akan hutang budi dan dayanya kepada Tuhan Penciptanya. Ini kerana pengabdian diri itu adalah rahmat dari Allah S.W.T yang membebaskan manusia itu dari belenggu hawa nafsu serta memulihkannya semula ke taraf kemurnian azali iaitu sebagai *aḥsani taqwīm*.

Da'wah bi al-Nafs ini juga merupakan asas *output* kepada pemilihan hak beragama. Ini jelas terbukti dengan ucapan kalimah syahadah yang dilafazkan oleh setiap orang Islam di mana mereka mengakui bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Maka, dengan lafaz ini sahaja dapat membezakan antara seseorang itu beragama Islam ataupun sebaliknya sekalipun pada zahirnya semua manusia itu sama dari sudut fizikal. Oleh itu, *Da'wah bi al-Nafs* ini amat ditekankan dalam al-Quran untuk umat seluruhnya dan khususnya bagi banduan yang sedang menjalani hukuman bagi mengecapi suatu kehidupan yang bahagia di akhirat kelak.

Da'wah Fardiyyah (Interpersonal)

Komunikasi antara individu pasti akan dilaksanakan oleh setiap manusia yang hidup di muka bumi. Ini kerana, manusia itu tidak boleh hidup secara bersendirian bahkan mereka hidup bermasyarakat. Ini terbukti berdasarkan kepada sirah nabi yang termaktub dalam al-Quran sama ada dalam menyebarkan dakwah ataupun sebagainya. Sebagai contoh, dalam *Da'wah Fardiyyah* yang dijalankan oleh nabi jelas menunjukkan berlakunya komunikasi antara individu sama ada ia merupakan ahli keluarganya, kaum kerabatnya mahupun kepada masyarakat umumnya. Dalam perbincangan *Da'wah Fardiyyah*, pengkaji telah membuat beberapa pecahan dan bentuk-bentuk dakwah yang terdapat di dalamnya. Ini kerana dalam *Da'wah Fardiyyah* terdapat beberapa lagi kaedah dan teknik dalam melunaskan

dakwah tersebut. Berikut adalah pecahan-pecahan dalam *Da'wah Fardiyyah* yang pengkaji ketengahkan menerusi kajian ini.

1. Penggunaan Bahasa dalam Mujādalāh dan Mushāwarah

Dalam masa yang sama, aspek utama yang perlu diberikan perhatian dalam pendekatan *Da'wah Fardiyyah* ini adalah penggunaan bahasa. Bahasa merupakan alat terpenting dalam aspek komunikasi dakwah Rasulullah S.A.W terhadap masyarakat Arab ketika itu. Baginda dibekalkan oleh Allah S.W.T dengan kemampuan menggunakan bahasa yang betul, indah dan mampu untuk berhujah. Hal ini amat penting dalam menghadapi masyarakat Arab yang ketika itu sedang memuja keindahan bahasa melalui syair yang diungkapkan, tetapi ternyata bahasa al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah S.A.W sebagai asas untuk berdakwah, lebih tinggi dan indah bahasanya daripada apa yang pernah mereka dengar dan ciptakan ketika itu. Tuntutan melaksanakan *Da'wah Fardiyyah* ini pengkaji dapati dengan merujuk kepada dakwah yang dijalankan oleh Nabi Ibrahim A.S kepada ayahnya, Azar. Nabi Ibrahim A.S telah menggunakan dua kaedah dalam menyampaikan *Da'wah Fardiyyah* kepada ayahnya iaitu melalui *mujādalāh* dan *mushāwarah*. Dalam konteks *mujādalāh* dan *mushāwarah* tersebut, baginda telah berdebat dan berbincang dengan ayahnya tentang patung-patung yang diciptanya sendiri dan dijadikan sebagai Tuhan. Nabi Ibrahim telah menggabungkan kepintarannya dengan penuh hikmah bagi menangkis segala hujah yang diberikan oleh ayahnya itu.

Apabila dilihat dari perspektif dakwah, cara dan teknik dakwah yang telah digunakan oleh Nabi Ibrahim A.S. kepada ayahnya adalah cara yang terbaik. Dalam seruannya kepada Azar, baginda telah mengingatkan tentang kebatilan penyembahan berhala, menyeru supaya mengikutinya dan meninggalkan taqlid buta, mengingatkannya bahawa taat kepada syaitan merupakan perbuatan yang tidak dapat diterima akal serta mengingatkan tentang ancaman seksa yang pasti akan berlaku jika ayahnya terus berada dalam kesesatan tersebut. Walaupun dakwah yang dibawa oleh Nabi Ibrahim A.S tersebut dibalas dengan kekerasan, namun baginda tetap berdoa buat ayahnya agar kembali kepada Allah. Menerusi tuntutan *Da'wah Fardiyyah* ini, Nabi Ibrahim A.S telah berusaha mengajak Azar menyembah Allah. Baginda telah bermujādalāh dan musyāwarah dengan Azar tentang siapa yang patut disembah sebagai Tuhan, sama ada Allah ataupun patung-patung ciptaan manusia?. Ini menunjukkan bahawa berlakunya *Da'wah Fardiyyah* antara dua individu tersebut dalam mencari hakikat dan kebenaran Islam. Dengan melihat kepada betapa tekadnya Nabi Ibrahim A.S menyeru dan menyampaikan *Da'wah Fardiyyah* kepada ayahnya dengan pelbagai kaedah dan strategi, maka pihak penjara turut

mengaplikasikannya di dalam *Da'wah Fardiyyah* yang dilaksanakan di Penjara Sandakan. *Da'wah Fardiyyah* ini seringkali dilakukan oleh setiap individu pegawai penjara, tenaga pengajar mahupun sesama banduan yang datang dari pelbagai bangsa. Dakwah ini terlaksana menerusi lisan dalam setiap perbuatan. Tenaga pengajar dan pegawai penjara setiap hari akan berhadapan dengan para penghuni yang datang dari pelbagai latar belakang. Justeru, *Da'wah Fardiyyah* ini amat sesuai untuk terus diaplikasikan kepada banduan dalam menyebarkan dakwah Islamiah.

Selain itu, seseorang yang hendak menjalankan seruan dakwah mestilah mengetahui cara, teknik dan *Uslūb* (metode) dakwah. Tanpa perancangan tersebut, sudah tentu masyarakat yang menjadi sasaran dakwah akan menolak dan menerimanya secara negatif. Terdapat tiga cara menjalankan dakwah yang biasa digunakan oleh para pendakwah termasuk juga pihak pegawai penjara dalam memastikan dakwah Islamiah terkesan kepada banduan iaitu melalui cara berhikmah, pelajaran dan nasihat yang baik, atau dengan cara berdialog, perbincangan dan perbahasaan yang baik (Ab. Aziz Mohd Zin, 2005 : 8). Menurut Sayyib Qutb, hikmah yang disebutkan dalam ayat tersebut bermaksud dengan melihat kepada keadaan sasaran dan suasana mereka, kadar yang perlu supaya tidak memberatkan mereka dan tidak menyusahkan mereka sebelum mereka bersedia. Bagi pendapat Ra'uf Shalabi (t.th:342), cara dakwah yang dinyatakan dalam ayat tersebut merupakan cara yang dilalui oleh Nabi S.A.W dalam dakwahnya kepada semua peringkat sasaran termasuklah metode yang dipakai oleh Nabi Ibrahim A.S kepada ayahnya adalah melalui cara *mujādalah bi al-husnā* atau melalui dialog dengan cara yang baik. Antaranya, menggunakan *uslūb* yang mudah difahami, disertakan dengan alasan yang rasional, bersikap tawaduk, menampakkan kasih sayang dengan melarang ayahnya untuk taat kepada syaitan, membicarakan kekhawatiran dan ketakutan bagi ayahnya dari terkena seksa Allah SWT, menjawab dengan jawapan yang sebaik-baiknya, meminta maaf dan kaedah terakhir adalah memisahkan diri atau berhijrah bagi mengelakkan diri dari terus menemui titik perbezaan dan pergaduhan. Metode ini dilihat dapat diaplikasi dalam konteks semasa kerana terdapat mekanisme dakwah yang lembut dan berhikmah yang boleh diaplikasikan pada orang tua yang bukan beragama Islam.

Sebagai seorang pendakwah, mereka perlu mengetahui dan menguasai sepenuhnya ilmu komunikasi yang berkesan. Ini kerana orang yang arif dengan ilmu komunikasi sahaja yang dapat menjinakkan hati yang dikotori dengan gelombang maksiat. Komunikasi yang sesuai sahaja biasanya dapat membuahkan hasil yang baik kerana ia bertepatan dengan kehendak penerima ataupun pendengar. Jelaslah bahawa berdialog atau perdebatan yang hendak dilakukan mestilah mengikut prinsip yang telah

ditetapkan di dalam al-Quran iaitu berdialog dengan cara yang terbaik dan berhikmah sebagai salah satu daripada metode dakwah, terutamanya terhadap golongan kafir dan golongan yang keras hatinya (Saifulazry Mokhtar, 2008:37). Menurut Mohd. Nazri Zainuddin (2005:259-262), bercakap dengan lemah lembut merupakan satu asas komunikasi yang dapat memberikan impak yang sangat mendalam dan akan meninggalkan kesan ke dalam jiwa pendengarnya. Ini boleh diamalkan dengan mempraktikkan beberapa kaedah komunikasi yang baik. Antaranya ialah persekitaran yang selesa, kesediaan mendengar terlebih dahulu, menunjukkan minat dan semangat, kesediaan menerima cadangan atau perbezaan pendapat, bertindak balas dengan pesanan dan bukan mendengar daripada orang lain serta jujur dan berterus terang (Surah Ali-^cImran, 3:15).

Ekoran dari itu juga, Islam amat menegah sebarang bentuk komunikasi yang mengandungi perkataan, tindakan atau apa jua makna yang bersifat keji seperti penghinaan, fitnah, dusta, ejekan, maki hamun, riak dan sebagainya. Mengumpat dan mengutuk orang lain akan hanya menjatuhkan kredibiliti individu itu sendiri. Komunikasi dan percakapan yang dimuatkan dengan umpat keji tidak akan mendatangkan faedah kepada sesiapa. Menurut Mustafa Haji Daud (1995:21-22), kejian yang diizinkan hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang sememangnya keji seperti zina, liwat dan sebagainya. Namun begitu, kejian tersebut hendaklah dilakukan dengan penuh hikmah dan bahasa yang baik serta tegas. Kejian dalam konteks tersebut hendaklah dilakukan dengan tujuan kebaikan dan bukanlah hanya sekadar kejian. Oleh itu, rebutlah peluang berkomunikasi itu dengan menitikberatkan keistimewaan dan kekuatan orang lain dan bukannya mencari dan membesarkan kesalahan, kelemahan dan keaiban mereka.

Dengan berdasarkan kepada dalil-dalil dan huraian tersebut, sudah jelas kepada kita bahawa Islam amat menyeru dan menyuruh manusia supaya menggunakan bahasa dan perkataan yang baik semasa melakukan proses komunikasi, apatah lagi dalam hal menyeru manusia ke jalan Allah. Perintah menggunakan bahasa dan perkataan ini tidak hanya tertumpu kepada sesama muslim sahaja, bahkan ia meluas sehingga kepada golongan bukan muslim. Oleh itu, pihak penjara dan tenaga pengajar khususnya telah menerapkan nilai tersebut dalam peribadi mereka bagi memastikan matlamat dakwah dan *Tarbiah Islamiah* terhadap banduan terlaksana dengan jayanya.

2. Pendekatan Hikmah

Salah satu pendekatan dakwah adalah penerapan *hikmah*. Al-Hikmah mengandungi tiga pengertian yang utama iaitu penelitian terhadap segala

sesuatu secara cermat dan mendalam dengan menggunakan akal fikiran, memahami rahsia-rahsia hukum dan maksud-maksudnya serta meletakkan sesuatu pada tempatnya. Oleh sebab itu al-Hikmah sesuai digunakan untuk semua orang menurut kadar kemampuan dan perkembangan akal, fikiran dan budayanya kerana apa yang dipanggil dan diseru adalah fikiran dan perasaan seseorang. Hikmah dalam bahasa Arab bermaksud kebijaksanaan, pandai, adil, lemah lembut, kenabian, sesuatu yang mencegah kejahatan dan kerosakan, perkara yang betul dan tepat, keilmuan dan pemaaf. Di maksudkan dengan kebijaksanaan ialah seseorang *da'i* atau pendakwah perlu bijak dan arif dalam semua bidang ilmu pengetahuan, baik ilmu agama mahupun ilmu akademik dengan psikologi, sosiologi dan sebagainya. Adil pula membawa maksud meletakkan sesuatu sesuai dengan tempatnya, seperti seorang pesalah mestilah dihukum dengan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan olehnya, atau seorang hakim yang menjatuhkan hukuman secara adil.

3. Nasihat

Nasihat bermaksud peringatan-peringatan atau nasihat yang baik, kata-kata, ucapan dan teguran yang baik. Ahli tafsir menjelaskan nasihat yang baik ialah memalingkan seseorang daripada sifat cela dan buruk kepada sifat mulia dan terpuji. Memberi nasihat juga dikatakan sebagai mendekati diri kepada orang ramai sehingga orang ramai sedar akan kejahatan akhlak buruk dirinya. Seorang pendakwah itu perlu menggunakan teknik-teknik yang sesuai dalam melakukan nasihat tersebut seperti bercakap dengan lemah lembut, bertolak ansur dengan diri dan orang lain, bersifat fleksibel dan bersahabat atau berhubung rapat dengan mereka. Teknik-teknik seperti ini dapat menjalinkan silaturahim yang mesra antara pendakwah dengan penerima dakwah. Dalam senario di penjara, kaedah dan teknik nasihat ini dapat dilihat dengan jelas pelaksanaannya. Pengkaji mendapati kakitangan penjara Sandakan sentiasa menggunakan strategi ini dalam sesi kaunseling, kelas bimbingan agama, kuliah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, nasihat yang berbentuk tegas juga perlu dilaksanakan kepada banduan bagi menyatakan kebenaran dan kebatilan.

4. Mengajar dan Memberi Peringatan

Perkara pertama yang harus dilakukan oleh pendakwah ialah membuka mata orang ramai untuk mengerti dan mengajar orang yang jahil. Manusia berhajat kepada ilmu seperti bumi yang kering berhajat kepada turunnya hujan. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan pendakwah untuk

menyampaikan seruan dengan pelbagai cara pengajaran. Satu perkara yang harus diingatkan ialah kemungkinan seseorang itu terlupa disebabkan sibuk dengan kehidupan dunia sehingga dia tidak dapat menjalankan tugas yang patut dilakukannya. Tugas pendakwah ialah memberi ingatan yang sewajarnya kerana manusia sentiasa dengan tabiat mereka yang lupa dan lalai dengan perkara-perkara yang berlaku (Surah al-Ghasyiah, 88:21-22).

5. Memberi Amaran

Manusia bukan sahaja mematuhi sesuatu dengan cara yang menyukakan, malahan mereka juga patuh kerana melalui cara yang berbentuk ancaman. Ia segera berbuat baik kerana takut akan akibat buruk oleh sebab perbuatan dan kelalaiannya. Orang yang sedang bersuka-sukaan, boleh jadi akan padam nafsu keseronokkannya dengan mengingatkan kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T. Cara menakutkan orang lain ialah seseorang pendakwah itu menerangkan kemudaratan maksiat yang menimpa ke atas diri orang yang melakukannya, keluarganya dan kedudukannya. Hal yang demikian menyebabkan seseorang itu berasa takut untuk melakukan maksiat, takut kepada kecelakaan dan bala yang mungkin menyimpannya. Maksiat ialah punca segala musibah dan bencana yang membahayakan individu dan orang ramai. Dari pemerhatian pengkaji, dalam sesi pembelajaran di halaqah, tenaga pengajar sentiasa dan selalu memberi amaran dan peringatan terhadap kesan dan implikasi terhadap jenayah yang dilakukan. Dengan memberi amaran dan peringatan sentiasa, pada banduan akan terus menyedari dan menginsafi segala kesalahan dan kesilapan yang telah dilakukan sebelum ini. Semoga segala peringatan yang baik akan terus dilaksanakan terhadap mereka agar pengetahuan itu benar-benar meresap ke dasar hati mereka.

6. Galakan Membuat Kebajikan

Cara untuk memberikan galakan dan nasihat dalam Islam ialah mengajak manusia supaya patuh kepada perintah Allah S.W.T kerana Allah telah mengurniakan rahmat serta nikmat dan Allah memberi segala sesuatu. Mengajak orang ramai supaya menanggung segala kewajipan iman, bersabar dengan segala kesusahan untuk mencapai ganjaran di akhirat dan mendapat kedudukan yang mulia. Menggalakkan manusia untuk terus bertaqwa kepada Allah S.W.T, menjalankan hukuman yang adil, memperbaiki kelakuan sehingga boleh mencapai darjat yang layak bagi manusia untuk menjadi khalifah di bumi ini.

Di penjara Sandakan, pegawai penjara akan sentiasa memberi galakan kepada banduan untuk melakukan amal kebajikan. Hal ini sedikit

sebanyak memberikan didikan dan tarbiah untuk terus melakukan amal kebajikan selepas mereka dibebaskan kelak. Berdasarkan kepada pengamatan pengkaji, keputusan pihak penjara memberikan peluang kepada para banduan untuk melakukan amal kebajikan memang tepat. Hal ini kerana, para banduan diberi peluang untuk melakukan amal kebajikan di penjara seperti mengendalikan kantin, membersihkan kawasan penjara, memotong rumput, membantu kerja-kerja di pejabat, menceburkan diri dalam aktiviti pertukangan, menjahit, membersihkan kenderaan dan sebagainya. Walaupun setiap aktiviti dan kegiatan tersebut diberikan gaji yang tidak seberapa, namun ia sedikit sebanyak memberikan mereka ilmu dan kemahiran yang sangat berguna untuk menjamin kehidupan selepas dibebaskan suatu masa kelak.

Selain itu, program-program yang telah dijalankan oleh Pihak Penjara Sandakan juga menitik beratkan tentang tuntutan *Da'wah Fardiyyah* ini. Pengkaji dapati program-program seperti Program Halaqah, aktiviti-aktiviti hari kebesaran Islam dan sebagainya yang diadakan ini membentuk ciri-ciri *Da'wah Fardiyyah*. Sesi khidmat bimbingan dan kaunseling, khidmat nasihat, peringatan juga termasuk dalam *Da'wah Fardiyyah*. Kesimpulannya, terdapat banyak strategi-strategi pendekatan *Da'wah Fardiyyah* yang terlaksana di Penjara Sandakan dan ini tidak tertumpu kepada proses pengajaran dan pembelajaran semata-mata. *Da'wah Fardiyyah* ini perlu diteruskan lagi oleh semua pihak agar natijah dakwah Islamiah tersebut bertahta di hati penghuni.

Da'wah bi al-Hāl (Keadaan)

Dakwah Islamiah hendaklah dilakukan dalam keadaan berjinak-jinak dengan sasaran. Ini termasuklah berkenalan dengan seseorang yang akan menerima dakwahnya. Perkenalan ini bertujuan memahami latar belakang kehidupan sebenar sasaran, corak pemikiran dan bagaimana pengertian dan pandangannya terhadap alam raya ini dan terhadap agama Islam (Yakan, 1970:21). Pada dasarnya, al-Quran banyak mendedahkan pendekatan dakwah dalam bentuk yang pelbagai agar pengajaran yang hendak disampaikan menepati kesesuaian dan tahap pemikiran golongan sasaran. Selain itu, Zaydan (2000:413), menyebut bahawa al-Quran banyak mendedahkan pendekatan dakwah yang mana setiap orang Islam mesti memahaminya, sebagaimana memahami perkara-perkara lain yang terdapat dalam al-Quran. Allah S.W.T memaparkan cara-cara dakwah dalam al-Quran untuk dijadikan panduan yang boleh membantu usaha dakwah. Risalah dakwah Rasulullah S.A.W ini bukanlah risalah yang terikat pada tempat, masa dan zaman tertentu, malah ia adalah risalah untuk seluruh

manusia. Oleh yang demikian, dakwah ini menggambarkan kesejagatan yang sempurna (Munir Muhammad al-Ghadrān, t.th:32).

Bagi memperincikan dakwah ini, pengkaji telah mengkategorikan *Da'wah bi al-Hāl* ini kepada dua. Perbincangan berkaitan kedua-dua pecahan tersebut adalah seperti berikut :

1. Suasana Persekitaran yang Menggalakkan

Penampilan dan perwatakan buruk sesetengah orang Islam sebenarnya memberikan implikasi negatif kepada pandangan orang-orang bukan Islam terhadap Islam. Malah kadang-kadang perangai dan tabiat orang Islam lebih buruk daripada orang bukan Islam. Fenomena ini sebenarnya tidak menyediakan satu suasana yang kondusif untuk orang-orang bukan Islam memahami Islam. Justeru, dakwah melalui teladan atau "*da'wah by example*" perlu ditonjolkan sebagai pendekatan yang penting di mana pendakwah perlu melaksanakan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan. Menurut Lewis (1975:151), komunikasi non verbal atau *Da'wah bi al-Hāl* boleh didefinisikan sebagai segala bentuk mesej (komunikasi) yang tidak dikodkan dalam perkataan. Perbezaan utama yang terdapat antara sifat komunikasi verbal dengan non verbal ialah komunikasi verbal adalah diaturkan oleh sistem bahasa, manakala komunikasi non verbal pula adalah sebaliknya iaitu tidak diaturkan oleh sistem bahasa. Ini bermakna, *Da'wah bi al-Hāl* tersebut dapat dilaksanakan tanpa menerusi sebarang perkataan ataupun ucapan. Komunikasi non verbal mempunyai "bahasa" nya yang tersendiri. Menurut Knaap, M (1972), "bahasa" komunikasi non verbal atau *Da'wah bi al-Hāl* boleh dikategorikan kepada lima bahagian iaitu isyarat yang berkenaan dengan ruang dan waktu, pergerakan tangan, raut wajah atau air muka, nada percakapan dan menerusi pakaian.

Pengkaji dapati terdapat sebuah perpustakaan di dalam Penjara Sandakan berhampiran dengan tempat penginapan banduan. Suasana tersebut sedikit sebanyak memberi galakan kepada banduan untuk menimba ilmu agama dengan membaca buku-buku yang terdapat di dalam perpustakaan tersebut. Ini juga merupakan salah satu strategi dakwah yang dilaksanakan oleh pihak Penjara Sandakan kepada banduan. Dengan adanya perpustakaan mini berhampiran sel-sel penghuni, para banduan boleh membaca buku-buku agama untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan serta menggalakkan mereka melakukan amalan-amalan sunat seperti berpuasa pada bulan Rejab, Syaaban, solat-solat sunat dan sebagainya.

2. Contoh yang Baik

Seorang mukmin yang soleh merupakan sebaik-baik penasihat dan pendakwah untuk menyeru orang ramai supaya beriman kepada Allah S.W.T. Akhlakunya yang mulia menjadi daya penarik jiwa dan perasaan orang untuk mengikutinya. Pendakwah yang berjaya ialah seorang yang sentiasa menunjukkan dasar yang benar serta dibuktikan dengan amalan dan perbuatannya kerana dia menjadi contoh gambaran hidup yang bergerak atas prinsip yang dianuti. Budi bahasa, keterampilan serta cara berkomunikasi yang sentiasa dipancarkan dengan baik walaupun sedikit tegas dapat menyenangkan hati banduan. Segala nasihat dan teguran yang dilontarkan kepada banduan dapat diterima dengan baik oleh banduan tanpa ada sebarang sifat dendam.

Dengan wujudnya pelbagai fasa dalam menjalani sesuatu hukuman, pihak penjara perlu memastikan keterampilan dan sahsiah pegawai penjara yang menepati ciri-ciri seorang pendakwah. Hal ini dapat pengkaji ketengahkan berdasarkan kepada penglibatan setiap pegawai dalam pelbagai aktiviti dengan penuh harapan untuk memberikan contoh terbaik buat banduan. Mereka juga menjaga segala etika pekerjaan dengan penuh keikhlasan dan bertanggungjawab selaras dengan kehendak banduan dan selari dengan landasan Islam. Di sini pengkaji merumuskan bahawa *Da'wah bi al-Hāl* ini adalah dakwah yang menyeru manusia dan masyarakat untuk menerima ajaran Islam tanpa melibatkan sebarang perkataan. Ia termasuklah sama ada dari segi pakaian, raut wajah, pergerakan tangan, nilai-nilai murni dalam diri dan sebagainya yang tidak menggunakan lidah sebagai alat untuk berkomunikasi dan bertutur. Dakwah seperti ini kerap kali juga digunakan oleh setiap pegawai penjara terhadap banduan. *Da'wah bi al-Hāl* ini turut menjadi salah satu daripada strategi pendekatan dakwah terhadap banduan di Penjara Sandakan.

Da'wah al-Ām (Awam)

Dalam penelitian dan kajian pengkaji terhadap beberapa ayat al-Quran, pengkaji telah menemui satu lagi bentuk dakwah yang perlu diketahui dan digunakan oleh setiap insan dalam aktiviti dakwah iaitu *Da'wah al-Ām*. *Da'wah al-Ām* ini merupakan dakwah yang dinyatakan oleh Allah secara umum kepada hamba-hambanya supaya mereka menggunakan akal kebijaksanaan yang turut Allah kurniakan kepadanya. Pihak penjara turut berpendapat dengan melaksanakan program-program yang bersifat umum ini dapat menarik minat serta mudah untuk menyebarkan dakwah dan risalah Islamiah kepada semua banduan. Berikut adalah di antara kaedah dan strategi *Da'wah al-Ām* di Penjara Sandakan.

1. Ceramah

Ceramah dalam Islam merupakan satu corak hidup, satu kegiatan yang membolehkan agama meresap ke dalam hati, bergerak daripada suatu fikiran kepada suatu fikiran yang lain, berpindah daripada satu generasi ke satu generasi mengikut masa, dari satu negeri ke satu negeri yang lain mengikut tempat. Inilah rahsia Rasulullah S.A.W mengadakan ceramah pada setiap minggu dan pada hari perayaan. Baginda sendiri memberikan ceramah atau baginda diwakili oleh penggantinya untuk memberikan ceramah kepada jemaah haji di Jabal Rahmah. Penceramah yang bijak dalam hal Islam hendaklah mahir dengan masalah hidup dan tahu penyakit masyarakatnya. Pendakwah juga perlu mengetahui perkara yang berkaitan dengan wahyu serta menjalankan kerja dengan berpandukan kepadanya. Apabila dikemukakan masalah kepada orang ramai dia dapat menghilangkan keraguan mereka dengan memuaskan.

Di Penjara Sandakan, ceramah bukanlah satu aktiviti yang sering dijalankan kepada banduan. Ini kerana terdapat aktiviti-aktiviti dakwah lain yang di gunakan. Namun, pihak penjara khususnya unit agama telah menetapkan beberapa sesi ceramah kepada banduan sempena dengan hari-hari kebesaran Islam sahaja. Di antara ceramah yang diadakan di Penjara Sandakan adalah seperti ceramah Maulid al-Rasul, ceramah Isra' dan Mikraj, ceramah sempena bulan Ramadan, Nuzul al-Quran dan apa-apa ceramah yang difikirkan perlu kepada banduan. Sambutan tersebut pada kebiasaannya akan dilaksanakan dengan menggunakan metode *Da'wah al-^oAm* iaitu seperti ceramah, forum perdana, diskusi keilmuan, syarahan, bercerita dan khutbah. Strategi dan pendekatan menggunakan medium tersebut merupakan satu kaedah yang paling sesuai untuk seluruh penghuni penjara. Selain itu, pengkaji juga mendapati teknik penglibatan penghuni dalam pertandingan Majlis Tilawah al-Quran di peringkat negeri Sabah yang melibatkan penjara-penjara di sekitar negeri Sabah seperti Kota Kinabalu dan Tawau adalah baik. Hal ini membuktikan keberkesanan dakwah menerusi *Da'wah al-^oAm* terhadap banduan di Penjara Sandakan.

2. Kuliah

Kuliah dilakukan secara mendalam, meluas dan lengkap dengan perkara yang menyentuh tajuk perbincangan dan boleh memberi persediaan yang baik kepada para pendengar. Mereka menerima maklumat dan panduan

dengan teratur dan tersusun. Dalam kuliah tidak perlu ditimbulkan semangat sehinggakan boleh memesongkan pendengar daripada tujuan dan tajuk asalnya. Kuliah juga turut diadakan di Penjara Sandakan sebagai salah satu kaedah melaksanakan dakwah Islam. Namun, pelaksanaan kuliah di penjara tidaklah sama seperti yang dilakukan di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Pun begitu, pelaksanaan kuliah ini lebih tertumpu kepada sesi pemulihan akhlak dan pembelajaran ilmu agama. Dengan melihat kepentingan dan keutamaan kuliah tersebut, pihak penjara telah menubuhkan dua buah bilik kuliah dalam kawasan penginapan banduan untuk tujuan tersebut.

3. Pengajian

Pengajian ialah cara berdakwah melalui tafsir al-Quran, hadis dan masalah-masalah agama. Melalui pengajian ini, pendakwah berkesempatan berkenalan dengan orang yang belajar dengannya dan pendakwah boleh mengambil kesempatan berdakwah kepada mereka dan memperkenalkan kitab ulama-ulama dahulu. Pendakwah juga perlu menggelakkan diri menyimpang daripada pokok pengajian kerana orang yang belajar mungkin akan merasa bosan dan tidak memahami konsep sebenar yang ingin disampaikan. Dengan melibatkan banduan dalam program sebegini rupa dapat mendidik dan mentarbiyyah mereka untuk terus melakukan perbuatan-perbuatan yang baik selaras dengan kehendak Allah S.W.T. Strategi pemilihan untuk mengikuti sebarang aktiviti dan program ini berdasarkan minat dan kebolehan yang ada dalam diri penghuni. Hal tersebut menunjukkan bahawa setiap aktiviti dakwah yang hendak dijalankan oleh pihak penjara akan menggunakan strategi *Da'wah al-Ām* sekaligus mempamerkan keunggulan dan keberkesanan dalam dakwah yang dijalankan.

KESIMPULAN

Pendekatan dakwah daripada rasul dan nabi merupakan pendekatan yang paling ideal kerana ia datangnya daripada Allah. Semestinya baginda mempunyai sifat-sifat tertentu dan diwahyukan dengan memiliki cara-cara atau metode-metode dakwah yang betul. Kebijaksanaan pendakwah dalam menggunakan pendekatan yang berkesan akan menghasilkan natijah yang baik. Ini kerana agama Islam merupakan agama fitrah yang amat bersesuaian dengan fitrah manusia. Pendakwah dan umat Islam pada masa kini harus sedar tanggungjawab mereka dalam memandu masyarakat ke jalan yang benar. Ini kerana beratnya cabaran-cabaran hidup dan persekitaran yang melalaikan umat Islam serta implikasinya kepada umat

Islam khususnya muda-mudi pada masa sekarang. Kadang-kadang kelihatan pendakwah masa kini hilang integriti dan kepercayaan masyarakat ke atas mereka, kerana mereka dilihat tidak lebih sekadar hanya pandai berkata-kata sedang diri sendiri terpalit dengan perkara dan kes-kes yang buruk di mata masyarakat. Sehingga, masyarakat hilang arah kepada siapakah yang harus mereka serta anak-anak mereka jadikan contoh dalam mengaplikasikan nilai-nilai Islam?.

Perkara-perkara inilah yang menyebabkan pada zaman moden ini banyaknya jenayah dan gejala sosial berlaku. Maka diharap agar kita dapat melihat kembali kepada rasul kita junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Jika kita dapat berakhlak seperti mana mulianya akhlak Rasulullah, tidak mustahil masyarakat tidak akan melihat lagi perkara-perkara buruk berlaku dengan berleluasa seperti masa sekarang. Jadi, terdapat banyak lagi sifat dan contoh teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah yang dapat diambil dan diamalkan oleh setiap pendakwah untuk diterapkan dalam bingkisan dakwah khususnya bagi mendidik dan mentarbiyah masyarakat banduan di penjara. Tuntasnya, pendekatan dan strategi dakwah yang telah dilaksanakan oleh pihak Penjara Sandakan adalah berkesan dan menepati teknik-teknik dan cara dakwah Rasulullah S.A.W. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa strategi yang perlu diubah dan dipelbagaikan mengikut kesesuaian dan keselesaan banduan. Semoga strategi yang berkesan ini dapat diteruskan oleh pihak penjara dalam menyebarkan dakwah Islamiah.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi dan Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 1991. *Syahadah Ibadah Asabiah Dakwah*. Petaling Jaya: Tempo Publishing.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abd Hadi Bin Borham. 2016. *Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim Di Pedalaman Pensiangan, Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Haji Don dan Zulkiple Abd. Ghani. 2009. *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2001. *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Alūrī, Adam Abdullah. 1989. *Tārīkh al-Da'wah al-Islāmiyyah Bayna al-Ams ilā al-Yawm*. Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail dan Sayuti Ab Ghani. 2018. Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Soroton. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4(1): 23-33.
- Creswell, J. W. 1994. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Tradition*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Knaap, M. 1972. *Non Verbal Communication in Human Interactions*. New York: Holt, Rinehart dan Winston.
- Lewis, P.V. 1975. *Organizational Communication: The Essence of Effective Management*. Columbus: OH Grid.
- Mariam Abd. Majid dan Marlon Pontino Guleng. 2016. Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 8 (1): 31-48.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Nora Ahmad@Aziz, Abdul Ghafar Don dan Adawiyah Ismail. 2013. *Faktor Penulisan Ilmu Dakwah Dalam Islam*. *Jurnal al-Hikmah*, 5: 3-17.
- Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham Dan A'dawiyah Ismail. 2018. Pendekatan Motivasi Dalam Dakwah Remaja. *Jurnal Hadhari* 10(1): 77-92.
- Mohd Zairul Ridzuan Bin Abd.Rahaman dan Abdul Ghafar Don. 2018. Pendekatan Dakwah *Bi Al-Hal* Terhadap Masyarakat Orang Asli Di Malaysia. *At-Tahkim* 8(15): 1-6.
- Mohd. Nazri Zainuddin. 2005. *1001 Feqh Nasihah*. Johor Bahru : Jahabersa.
- Munir Muhammad al-Ghadbān. T.th. *Manhaj Haraki li Sirah*. Terj. Taib Azamudin Mohd Taib. Kedah : Pustaka Darussalam Sdn. Bhd.
- Mustafa Haji Daud. 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslan Mohamed. 2002. *Dakwah Non Muslim: Satu Introspeksi Ringkas*. *Jurnal YADIM* 3: 121-127.
- Saifulazry Mokhtar. 2008. Analisis Prinsip dan Model Komunikasi Berdasarkan Ayat-Ayat al-Qur'an. Disertasi. Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Pengajian Islam.
- Shalabi, Ra'uf. 1982. *Shikulugiyah al-Rā'ī wa al-Da'wah*. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Shalabi, Ra'uf. T.th. *al-Da'wah al-Islāmiyyah fī 'Ahdīha al-Makki*. Al-Qāhirah: Majma' al-Buḥūth.

- Sulaiman Ibrahim, Othman Hj. Talib dan Anuar Puteh. 2002. *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*. UKM: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.
- Taylor, S. J. dan Bogdan, R. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods : The Search for Meaning*. Ed.2. New York: John Wiley and Sons.
- Yakan, Fathī. 1970. *Kaifa Nadʿu ilā al-Islām*. Bayrūt: Dār al-Ḥadīth. Halaman 21.
- Zaydan, Abd. Karim. 2000. *Uṣūl al-Daʿwah*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah.
- Zikmal Fuad. 2015. Pendekatan Dakwah Fardiyyah Shaykh Muim Al-Wahhab dalam Kalangan Masyarakat Besilam Langkat. *The Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 2(2)*: 159-178.

Saifulazry Mokhtar
Pensyarah
Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah
saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

Kasoma Thia
Sekolah Kebangsaan Kebagu,
Kota Kinabalu
dr.asaif7782@yahoo.com.my

Habibah Artini Ramlie
Pensyarah
Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, .
Universiti Malaysia Sabah
habibah_artini@ums.edu.my